



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN**

---

**PERUNTUKAN KHAS RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)  
NEGERI PULAU PINANG**

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan maklumat berkaitan tatacara Permohonan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang yang merangkumi kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan serta kecemasan berdasarkan syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan.

## 2. OBJEKTIF

2.1 Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk meringankan beban kewangan Pihak Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam dalam menanggung kos-kos pembinaan dan penyelenggaraan serta kecemasan di premis RIBI masing-masing.

2.2 Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk membantu Pihak Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam dalam memastikan kelancaran operasi di premis RIBI masing-masing.

## 3. TAFSIRAN

3.1 **“Peruntukan Khas”** ertinya peruntukan sejumlah wang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Pihak Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam di bawah Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang bagi membiayai kos pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan serta kecemasan berdasarkan skop kerja yang ditakrifkan sebagai keperluan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang.

3.2 **“Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)”** ertinya tapak ibadat yang berbentuk bangunan yang disediakan untuk penganut-penganut bagi memenuhi keperluan spiritual, melaksanakan upacara sembahyang, aktiviti dan perayaan keagamaan serta sebagai tapak interaksi untuk berkongsi ilmu keagamaan bukan Islam.

3.3 **“Pihak Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam”** ertinya individu yang memegang jawatan sebagai pengerusi atau setiausaha sahaja yang boleh menguruskan Permohonan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang.

3.4 **“Kerja-Kerja Pembinaan”** ertinya kerja-kerja yang melibatkan:

- a) Pembinaan Bangunan Baharu RIBI;
- b) Pembinaan Semula Bangunan RIBI; atau
- c) Kerja-Kerja Pengubahsuaian Struktur RIBI yang memerlukan Pelan Bangunan dan Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan – MBPP / MBSP.

3.5 **“Kerja-Kerja Penyelenggaraan”** ertinya kerja-kerja yang melibatkan skop kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal yang merangkumi:

- a) Penstrukturan Semula Bangunan RIBI;
- b) Pembaikan Kebocoran Siling dan Bumbung;
- c) Pembaikan Retakan Dinding dan Lantai Jubin;
- d) Pembaikan Sistem Perparitan dan Perpaipan;
- e) Pembaikan Tembok dan Pemasangan Pagar;
- f) Penukaran Sistem Pendawaian dan Litar Elektrik; dan
- g) Kerja-Kerja Mengecat.

3.6 **“Kerja-Kerja Kecemasan”** ertinya kerja-kerja penyelenggaraan yang perlu dilaksanakan dengan kadar segera akibat kerosakan atau kemusnahan yang berpunca daripada kejadian bencana alam atau lain-lain kejadian seperti banjir, tanah runtuh, dan kebakaran.

#### 4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

4.1 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) hendaklah:

- a) Berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS);  
atau
- b) Penubuhan bawah Akta Perlembagaan Malaysia / Warta Kerajaan, dan
- c) Berdaftar dalam Sistem eRIBI Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

4.2 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) hendaklah mempunyai **akaun bank** atas nama RIBI dan mengemukakan salinan penyata akaun bank, permohonan yang dibuat menggunakan bank akaun pihak ketiga tidak akan dipertimbangkan.

4.3 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) hendaklah mengemukakan **salinan dokumen status pemilikan tanah** seperti berikut:

- a) Geran Tanah;
- b) Gambar Tapak RIBI ;
- c) Salinan Resit Cukai Tanah;
- d) Salinan Peta Lokasi Tapak RIBI (Melalui Sistem Pegis);
- e) Salinan Surat Kebenaran Guna Tanah Kerajaan Negeri (Jika Berkaitan); atau
- f) Salinan Kelulusan Tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) (Jika Berkaitan); atau
- g) Surat Salinan Asal Surat Persetujuan Pemilik Tanah / Bangunan (Jika Berkaitan); atau
- h) Salinan Asal Surat Persetujuan Perbadanan Pengurusan / *Management Corporation* (MC) bagi Bangunan Strata (Jika Berkaitan); atau
- i) Salinan Pengesahan Surveyors Pembinaan Baru / Semula Bangunan RIBI (Pembinaan Sahaja); dan
- j) Surat Kelulusan Pelan Bangunan dan Pelan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan – MBPP / MBSP (Pembinaan Sahaja).

4.4 Permohonan Kerja-Kerja Kecemasan hendaklah mengemukakan **Laporan Polis** sebagai bahan bukti bagi rujukan jawatankuasa dalam meluluskan peruntukan untuk tujuan kecemasan.

4.5 Pelaksanaan bagi kerja-kerja pembinaan harus selesai mengikut persetujuan kontrak, kerja-kerja penyelenggaraan harus selesai dalam tempoh masa **6 Bulan** atau **Setahun** berdasarkan kelulusan jawatankuasa. Manakala, pelaksanaan bagi kerja-kerja kecemasan tertakluk kepada tempoh yang difikirkan wajar dan munasabah oleh jawatankuasa.

4.6 Permohonan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang boleh memohon untuk kali kedua **Selepas 3 Tahun**, namun keutamaan akan diberikan kepada permohonan baharu.

## 5. TATACARA PERMOHONAN

5.1 Pemohon mestilah melengkapkan **Borang Permohonan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang** yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

5.2 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Salinan **Sijil Pendaftaran** Pertubuhan daripada ROS; atau **Salinan Akta Perlembagaan Malaysia / Warta Kerajaan**; dan
- b) Salinan **Pendaftaran Sistem eRIBI** Kerajaan Negeri Pulau Pinang; dan
- c) Salinan **Penyata Akaun Bank** atas nama RIBI; dan
- d) Salinan **Dokumen Status Pemilikan Tanah RIBI** seperti yang disenaraikan di perenggan 4.4.

5.3 Dokumen sokongan kerja-kerja projek hendaklah turut dikemukakan:

- a) **Gambar-Gambar Kerosakan** bagi kerja-kerja pembinaan atau penyelenggaraan yang dipohon **berserta keterangan** (Gambar Berwarna); dan

b) Salinan Asal **Tiga (3) Sebutharga** daripada **Tiga (3) Syarikat yang Berbeza** berserta Profil Syarikat SSM dan Jenis Perniagaan Syarikat tersebut bagi skop kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan yang dipohon. **(Dalam Bahasa Melayu/Inggeris Sahaja)**

5.4 Hanya permohonan yang **lengkap** dan **menepati syarat-syarat kelayakan** yang telah ditetapkan sahaja yang akan diproses.

5.5 Permohonan yang **tidak lengkap** diberi tempoh **14 hari** daripada tarikh terima permohonan untuk mengembalikan dokumen yang berkaitan. Kegagalan penyerahan dokumen akan mengundang kepada **Kod Peringatan Kedua (7 hari)**, **Kod Peringatan Ketiga (5 hari)** dan **Kod Peringatan Terakhir**.

5.6 Kegagalan penyerahan dokumen permohonan yang lengkap selepas pengeluaran Kod Peringatan Terakhir akan mengundang kepada **Surat Batalan Permohonan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang**. Pemohon harus mengulangi prosedur permohonan semula selepas **Surat Batalan** dikeluarkan.

5.7 Borang Permohonan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang yang telah lengkap diisi berserta dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan ke alamat yang berikut:

**Urusetia Jawatankuasa Peruntukan Khas  
Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang,  
Pusat Harmoni Pulau Pinang,  
No. 15, Jalan Scotland, 10450 Georgetown, Pulau Pinang.**